



***MAKLUM BALAS PENULISAN KARANGAN BAHASA ARAB  
PELAJAR TINGKATAN EMPAT MELALUI KAEDAH  
PEMBELAJARAN KOPERATIF***

**KAMARIAH BINTI MUDA**

**FBMK 2015 94**



**MAKLUM BALAS PENULISAN KARANGAN BAHASA ARAB  
PELAJAR TINGKATAN EMPAT MELALUI KAEDAH  
PEMBELAJARAN KOPERATIF**

**Oleh**

**KAMARIAH BINTI MUDA**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah  
Sarjana Master Sastera**

**Januari 2015**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, dan gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah sarjana Master Sastera.

**MAKLUM BALAS PENULISAN KARANGAN BAHASA ARAB  
PELAJAR TINGKATAN EMPAT MELALUI KAEDAH  
PEMBELAJARAN KOPERATIF**

Oleh

**KAMARIAH BT MUDA**

Januari 2015

**Pengerusi: Che Radiah bt.Mezah, PhD**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar semakin hari semakin ketara dan meningkat khususnya dalam penulisan karangan. Kelemahan pelajar dalam penulisan karangan mempunyai hubung kait dengan kaedah pembelajaran yang digunakan dalam kelas. Oleh itu kaedah yang berkesan perlu diterapkan dalam pembelajaran penulisan karangan bahasa Arab. Justeru kajian ini akan mengaplikasi Kaedah Pembelajaran Koperatif (KPK) yang lebih menekankan pembelajaran secara kumpulan yang bersesuaian dengan saranan agar aktiviti kumpulan dititikberatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti maklum balas responden kajian terhadap penulisan karangan bahasa Arab secara KPK, seterusnya kajian ini akan mengklasifikasikan dan menghurai aspek bahasa yang dapat dikuasai responden dalam pembelajaran penulisan karangan bahasa Arab secara KPK dan kajian ini juga akan menganalisis ciri-ciri KPK yang terdapat pada responden kajian semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini keseluruhannya berbentuk kualitatif dengan menggunakan teknik temu bual dan pemerhatian untuk mendapatkan data. Triangulasi data juga digunakan dengan membuat catatan lapangan, borang pemerhatian, rakaman video dan audio. Sampel kajian terdiri daripada 6 orang pelajar tingkatan 4 dari sebuah sekolah menengah agama di daerah Seremban, Negeri Sembilan yang telah didedahkan dengan KPK teknik Putaran Giliran (*Round Robin*) dan Meja Bulat (*Round Table*). Data diperolehi melalui teknik temu bual dan pemerhatian. Umumnya dapatan kajian mendapati pelajar memberi maklum balas positif dan negatif terhadap pelaksanaan KPK dalam penulisan karangan di samping maklum balas tentang aspek bahasa. Seterusnya kajian ini juga menunjukkan pelajar mempraktikkan ciri-ciri KPK semasa proses penulisan karangan. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu pelajar dan tenaga pengajar untuk merangka, merancang serta menggunakan kaedah yang berkesan bagi meningkatkan kemahiran penulisan karangan bahasa Arab.

Abstract of thesis presented to the senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts.

**FEEDBACK OF ARABIC ESSAY WRITING AMONG FORM FOUR  
STUDENTS USING COOPERATIVE LEARNING METHOD**

By

**Kamariah binti Muda**

**January 2015**

**Chair : Che Radiah bt. Mezah, PHD**

**Faculty : Modern Language and Communication**

The weakness of mastering the Arabic Language among the students is becoming more distinct and escalating especially in essay writing. The students' weakness in essay writing is related to the learning methodology which is being practiced in class. Hence, an effective method should be instilled in the learning of essay writing in the Arabic Language. Therefore, this study will apply the Cooperative Learning Method (CLM) which will focus more on group learning in accordance with the suggestion that group activity is vital in the teaching and learning the process of writing. Concurrently, the aim of this study is to identify the respondents' feedback towards an essay writing in the Arabic Language through the CLM. Furthermore, this study will classify and elaborate the language aspect which the respondents have mastered in the learning of essay writing in the Arabic Language through CLM and this study will also analyze the characteristics of the CLM which can be found the respondents' study during the teaching and learning process. Holistically, this study is qualitative with the use of an interview technique and observation to get some data. Triangulation data is also used by doing the field notes, observations forms, video and audio recording. The study sample consisted of 6 form 4 students from a religious school in the Seremban district, Negeri Sembilan who have been exposed to the CLM techniques such as the Round Robin and Round Table. The data is obtained through an interview and observation techniques. In generally, the study results shows that students have given both positive and negative feedback towards in the implementation of the CLM in the essay writing as well as feedback on the language aspect. Moreover, this study also shows that the students are practicing the CLM characteristics during the process of essay writing. It is hoped that the finding of this study can assist students and teachers to write formulate and to plan by using an effective method to increase the mastery in essay writing in the Arabic Language.



## PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana telah melimpahkan rahmat dan nikmat-Nya kepada penulis sehingga penulis sentiasa sihat walafiat, dan dapat menyiapkan kajian tesis ini. Pertama-tamanya penulis merakamkan penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Putra Malaysia yang telah memberi peluang dan ruang kepada penulis untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah master di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Seterusnya, penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dr. Che Radiah Mezah selaku penyelia yang sentiasa perihatin dan bersedia membimbing penulis dari awal kajian sehingga mencapai kesempurnaan dalam penyediaan kajian tesis ini. Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Dr. Nik Farhan Mustapha sebagai ahli jawatankuasa penulis dalam kajian ini yang juga banyak memberi cadangan dan membantu penulis dalam memperbaiki dan menyiapkan kajian tesis ini. Mereka banyak memberikan tunjuk ajar dan panduan kepada penulis sehingga penulis berjaya menyiapkan kajian tesis ini serta menyelesaikan pengajian untuk memperoleh Ijazah Master Bahasa Arab.

Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi yang telah mencurahkan ilmu dalam bidang masing-masing kepada penulis. Penulis juga mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Pengetua, Penolong Kanan, dan guru Bahasa Arab SMKA SHAMS di Seremban, Negeri Sembilan yang telah memberikan kerjasama yang sangat baik kepada penulis sehingga penulis tidak menghadapi apa-apa masalah dalam memperoleh data yang diperlukan untuk kajian penulis. Tidak lupa juga kepada 30 orang pelajar tingkatan 4 Ikhlas SMKA SHAMS yang terlibat, kerana sudi jadi responden dalam kajian ini, begitu juga 6 orang pelajar yang dipilih untuk ditemu bual.

Akhir sekali, penulis mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada ibu penulis yang dikasihi: Wan Supiah Embong, suami penulis yang tersayang: Muhamad Fadrol Ibrahim, serta anak-anak yang dikasihi: Hazradatul Humaira, Hazradatul Hadhifa dan Hazrad Harraz, yang memberi sokongan dan menjadi inspirasi penulis untuk menyiapkan tesis ini serta sanggup berkorban dan bersabar menunggu pengajian penulis selesai. Sekali lagi penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat, semoga segala pengorbanan dan jasa baik kalian mandapat keredhaan dariNya.

## JADUAL KANDUNGAN

|                                                               | Halaman      |
|---------------------------------------------------------------|--------------|
| <b>ABSTRAK</b>                                                | i            |
| <b>ABSTRACT</b>                                               | ii           |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                            | iii          |
| <b>PENGESAHAN</b>                                             | iv           |
| <b>PERAKUAN</b>                                               | v            |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                                         | ix           |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                                          | x            |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                                      | xi           |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>                                       | xii          |
| <b>PANDUAN TRANSLITERASI</b>                                  | xiii         |
| <br><b>BAB</b>                                                |              |
| <br><b>1      PENDAHULUAN</b>                                 | <br><b>1</b> |
| 1.1    Pengenalan                                             | 1            |
| 1.2    Latar Belakang Kajian                                  | 2            |
| 1.3    Pernyataan Masalah                                     | 3            |
| 1.4    Persoalan Kajian                                       | 5            |
| 1.5    Objektif Kajian                                        | 5            |
| 1.6    Kepentingan Kajian                                     | 6            |
| 1.7    Batasan Kajian                                         | 7            |
| 1.8    Definasi Operasional                                   | 8            |
| 1.8.1    Maklum Balas                                         | 8            |
| 1.8.2    Penulisan Karangan                                   | 8            |
| 1.8.3    Kaedah Pembelajaran Koperatif                        | 8            |
| 1.9    Kesimpulan                                             | 8            |
| <br><b>2      SOROTAN LITERATUR</b>                           | <br><b>9</b> |
| 2.1    Pengenalan                                             | 9            |
| 2.2    Maklum Balas                                           |              |
| 2.2.1    Maklum Balas Efektif                                 | 9            |
| 2.2.2    Jenis Maklum Balas                                   | 10           |
| 2.3    Konsep Pembelajaran Karangan                           | 11           |
| 2.3.1    Teknik PdP Kemahiran Menulis<br>karangan Bahasa Arab | 12           |
| 2.4    Teori-Teori Dalam Kaedah Pembelajaran<br>Bahasa Arab   | 16           |
| 2.4.1    Teori Kognitif                                       | 16           |
| 2.4.2    Teori Psikologi                                      | 17           |

|          |                                                                                            |           |
|----------|--------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 2.5      | Kaedah Pembelajaran Koperatif (KPK)                                                        | 18        |
| 2.5.1    | Teknik Putaran Giliran ( <i>Round Robin</i> ) dan Teknik Meja Bulat ( <i>Round Table</i> ) | 20        |
| 2.5.2    | Kebaikan Pendekatan Pembelajaran Koperatif                                                 | 20        |
| 2.5.3    | Ciri-Ciri Asas dalam KPK                                                                   | 23        |
| 2.6      | Isu-Isu dalam Pembelajaran Karangan Bahasa Arab                                            | 26        |
| 2.6.1    | Analisis Kesilapan Bahasa dalam Mengarang                                                  | 26        |
| 2.6.2    | Faktor Luaran dan Dalaman Yang Mempengaruhi Kemahiran Menulis                              | 29        |
| 2.6.3    | Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam Penulisan                                          | 29        |
| 2.7      | Kajian Keberkesanan KPK Terhadap Pencapaian Bahasa Arab                                    | 30        |
| 2.8      | Kajian Keberkesanan KPK di Luar Negara                                                     | 30        |
| 2.9      | Kerangka Konseptual Kajian                                                                 | 31        |
| 2.10     | Rumusan Sorotan Kajian                                                                     | 33        |
| 2.11     | Kesimpulan                                                                                 | 34        |
| <b>3</b> | <b>METODOLOGI KAJIAN</b>                                                                   | <b>35</b> |
| 3.1      | Pengenalan                                                                                 | 35        |
| 3.2      | Reka Bentuk Kajian                                                                         | 36        |
| 3.2.1    | Respondan Kajian                                                                           | 37        |
| 3.2.2    | Tajuk Karangan                                                                             |           |
| 3.3      | Prosedur Kajian                                                                            | 38        |
| 3.4      | Prosedur Pengumpulan Data                                                                  | 39        |
| 3.4.1    | Aktiviti Kaedah KPK dalam Proses PdP                                                       | 42        |
| 3.4.2    | Tempoh Kajian                                                                              | 44        |
| 3.5      | Prosedur Analisis Data                                                                     | 44        |
| 3.5.1    | Proses Transkrip                                                                           | 45        |
| 3.5.2    | Proses Pengekodan dan Pemberian Tema                                                       | 46        |
| 3.5.3    | Keabsahan Analisis Data                                                                    | 47        |
| 3.6      | Rumusan                                                                                    | 49        |
| <b>4</b> | <b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>                                                     | <b>50</b> |
| 4.1      | Pendahuluan                                                                                | 50        |
| 4.2      | Maklum Balas Pelajar Terhadap Penulisan Karangan Secara KPK                                | 50        |
| 4.2.1    | Maklum Balas Positif                                                                       | 51        |
| 4.2.2    | Maklum Balas Negatif                                                                       | 55        |
| 4.3      | Kemampuan Mempelajari Aspek Bahasa dalam Penulisan Karangan BA Melalui KPK                 | 60        |
| 4.3.1    | Kosa Kata                                                                                  | 60        |



## SENARAI RAJAH

| Rajah                                                           | Halaman |
|-----------------------------------------------------------------|---------|
| 2.1 Pendekatan Teori Terhadap KPK                               | 18      |
| 2.2 Ciri-ciri yang Diperlukan dalam Pembelajaran Koperatif      | 23      |
| 2.3 Kerangka Konseptual Kajian                                  | 32      |
| 3.1 Aktiviti KPK dalam Proses PdP                               | 44      |
| 3.2 Pengekodan Induktif dan Deduktif                            | 47      |
| 4.1 Maklum Balas Pelajar Terhadap Penulisan Karangan Secara KPK | 51      |

## SENARAI SINGKATAN

|       |   |                                      |
|-------|---|--------------------------------------|
| KPK   | – | Kaedah Pembelajaran Koperatif        |
| BA    | – | Bahasa Arab                          |
| SMKA  | – | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama    |
| SHAMS | – | Sheikh Haji Mohd Said                |
| PdP   | – | Pengajaran dan Pembelajaran          |
| PMR   | – | Peperiksaan Menengah Rendah          |
| SPM   | – | Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia |
| STAD  | – | Students Teams- Achievement Division |
| KBSM  | – | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah |
| KPM   | – | Kementerian Pelajaran Malaysia       |

## SENARAI LAMPIRAN

| Lampiran |                                            | Halaman |
|----------|--------------------------------------------|---------|
| A        | Borang Kesesuaian Pemilihan Tajuk Karangan | 98      |
| B        | Analisis Markah Pertengahan Tahun          | 100     |
| C        | Analisis Markah Akhir Tahun                | 101     |
| D        | Borang Pemerhatian                         | 102     |
| E        | Soalan Temubual                            | 103     |
| F        | Surat Kebenaran Menjalankan Kajian         | 107     |
| G        | Contoh Karangan Hasil Pembelajaran Kpk 1   | 108     |
| H        | Contoh Karangan Hasil Pembelajaran Kpk 2   | 109     |

## PANDUAN TRANSLITERASI

| Bil | Huruf Arab | Nama dan Transliterasi | Bil | Huruf Arab | Nama dan Transliterasi |
|-----|------------|------------------------|-----|------------|------------------------|
| 1   | ء          | ,                      | 16  | ط          | t                      |
| 2   | ب          | b                      | 17  | ظ          | z                      |
| 3   | ت          | t                      | 18  | ع          | ,                      |
| 4   | ث          | th                     | 19  | غ          | gh                     |
| 5   | ج          | j                      | 20  | ف          | f                      |
| 6   | ح          | h                      | 21  | ق          | q                      |
| 7   | خ          | kh                     | 22  | ك          | k                      |
| 8   | د          | d                      | 23  | ل          | l                      |
| 9   | ذ          | dh                     | 24  | م          | m                      |
| 10  | ر          | r                      | 25  | ن          | n                      |
| 11  | ز          | z                      | 26  | و          | w                      |
| 12  | س          | s                      | 27  | هـ         | h                      |
| 13  | ش          | sh                     | 28  | ة          | t                      |
| 14  | ص          | s                      | 29  | ا          | a                      |
| 15  | ض          | ḍ                      | 30  | ي          | y                      |

| VOKAL PENDEK  |      |
|---------------|------|
| Arab          | Rumi |
| اَ            | a    |
| اِ            | i    |
| اُ            | u    |
| VOKAL PANJANG |      |
| Arab          | Rumi |
| اَـ           | ā    |
| اِـ           | ī    |
| اُـ           | ū    |
| DIFTONG       |      |
| Arab          | Rumi |
| اَوْ          | aw   |
| اَيَّ         | ay   |
| اِيَّ         | iyy  |
| اُوَّ         | uww  |

Transliterasi ini berdasarkan *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. (Cetakan Kedua 1992, hal 1-3)



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Dalam proses pembelajaran bahasa, pelajar perlu menguasai kemahiran menulis dan mengeja kerana kemahiran tersebut sangat penting dalam penguasaan bahasa. Penguasaan kemahiran ini perlu dikuasai setanding dengan penguasaan kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran membaca, bertutur dan mendengar. Proses menguasai kemahiran menulis ini, bermula dengan mengenal huruf, kemudian kemahiran membezakan bunyi-bunyi huruf, seterusnya menguasai kemahiran menulis semula huruf-huruf tersebut mengikut bentuknya.

Menurut Azman (1994), kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai ialah kemahiran menulis dan kebanyakan pendidik bahasa telah mempersetujui bahawa penguasaan kemahiran menulis bermula apabila kemahiran bahasa yang lain telah dikuasai pelajar. Kemahiran menulis ini berada pada kedudukan pada paling akhir antara kemahiran-kemahiran yang lain, malah ia tidak boleh diasingkan daripada kemahiran yang lain. Seseorang juga tidak boleh menguasai kemahiran menulis sekiranya tidak mengetahui cara untuk menyebut huruf dan membezakan sebutan huruf-huruf tersebut, dan sudah pasti seseorang tidak boleh membaca seandainya tidak mengetahui dan mengenal huruf tersebut dengan sempurna.

Tahap tertinggi dalam kemahiran menulis ialah mengarang. Kepentingan penguasaan kemahiran mengarang ini memerlukan pendedahan teknik atau kaedah pembelajaran yang berkesan kepada pelajar. Oleh itu, pelajar sekolah hari ini, perlu diberi pendedahan yang boleh membantu mereka dalam pembelajaran dan menggunakan kemahiran tersebut sejak awal lagi. Justeru, kaedah atau teknik pembelajaran yang berkesan dan sesuai perlu dilaksanakan dan dipraktikkan oleh pendidik agar kemahiran menulis dapat disampaikan dengan cara yang lebih berkesan kepada pelajar.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai (Abd. Shukor, 2004; Nik Safiah, 2001) berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain dan kebanyakan individu tidak memiliki kemahiran menulis tersebut (Ahmad Khair, 2005). Dalam proses penulisan, seseorang pelajar sering berhadapan dengan masalah ketika memulakan penulisan. Memulakan penulisan bukan sekadar kebolehan semata-mata atau penguasaan pengetahuan tentang sesuatu kerana seseorang yang berpengetahuan dan berkemahiran juga menghadapi masalah yang sama (Flower, 1988).

Kelemahan dalam kemahiran menulis adalah antara punca pelajar gagal memperoleh keputusan yang baik dalam peringkat Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) mahupun dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Menurut Suppiah Nachiappan (2006), aktiviti pemikiran sangat perlu dalam proses menulis, iaitu pemikiran sebelum dan semasa proses penulisan karangan, begitu juga proses pemikiran yang berlaku selepas penulisan karangan dihasilkan.

Penulisan juga merupakan salah satu kemahiran dalam aktiviti kognitif yang dilaksanakan oleh para ilmunan yang mementingkan penyebaran ilmu. Bagi menguasai perkara tersebut, pembelajaran bahasa perlu kepada peluang dan masa yang sesuai bagi membentuk pelajar menjadi penulis yang terbaik (Ismail, 2004). Pelajar mengalami dua proses untuk menulis karangan, iaitu proses luaran dan proses dalaman (Siti Zaleha, 2005). Justeru, proses pembelajaran dalam proses kemahiran menulis perlu dilakukan secara efektif (Roselan, 2003).

Para sarjana pendidikan menyatakan bahawa penguasaan kemahiran menulis seseorang pelajar dipengaruhi oleh kaedah pembelajaran penulisan yang berkesan dan kemahiran tersebut tidak hanya bergantung kepada kebolehan pelajar semata-mata. (Yahya, 2005; Ahmad Khair, 2005). Justeru itu, dalam pembelajaran penulisan, penguasaan peringkat awal dimulakan dengan menulis huruf, kemudian perkataan, ayat dan akhirnya membentuk sebuah wacana yang dapat difahami apabila dibaca (Ahmad Khair, 2005).

Seseorang penulis itu juga harus menyampaikan buah fikiran secara tepat, jelas, dan efektif dalam menghasilkan sesebuah penulisan. Karangan yang ditulis perlu kepada pemilihan kata yang sesuai mengikut tajuk dan tujuan sesebuah karangan. Penulisan sesebuah karangan juga dilihat daripada aspek perkembangan isi dan huraian yang dibina dalam bentuk perenggan yang menampakkan kesatuan sesebuah karangan. Dengan itu, pelajar hendaklah diberi pengetahuan awal tentang cara menulis yang berkesan dalam kemahiran menulis ketika di alam persekolahan lagi. Penguasaan kemahiran menulis juga boleh membantu meningkatkan penggunaan bahasa yang indah dan menarik seperti yang digunakan dalam penulisan karangan berbentuk keagamaan, kemasyarakatan, perumpamaan dan sebagainya. Namun, kelemahan dalam penulisan karangan menyebabkan pelajar sukar untuk menyatakan apa yang hendak disampaikan dalam bentuk tulisan (Simah, 2009).

Sesiapa sahaja dapat menguasai penulisan karangan sekiranya kurikulum pembelajaran kemahiran menulis dapat diubah dan juga bahan pembelajaran yang sesuai dapat disediakan (Faridah dan rakan-rakan, 2001). Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berusaha untuk meningkatkan kemahiran berfikir kepada para pelajar dengan menekankan pelaksanaan proses kognitif dalam pembelajaran dan pengetahuan. Proses kognitif seperti yang terdapat dalam kurikulum diperjelaskan melalui isi kandungan yang pelbagai dari segi strategi berfikir, pendekatan, serta mempunyai kualiti intelek dan kecerdasan yang tinggi. Guru hendaklah menerapkan nilai-nilai murni, dan penggunaan bahan bantu mengajar yang



merentas pelbagai disiplin melalui proses PdP dalam konteks pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), (Roselan, 2003).

Kaedah PdP juga mestilah berkesan dan sesuai dengan tahap kebolehan pelajar dengan mengambil kira pelaksanaan kaedah tersebut. Kaedah pembelajaran yang dilaksanakan dalam kelas antara faktor yang menjadikan pelajar kurang berinteraksi dan pasif bersama rakan ketika melakukan tugas. Maka, antara teknik yang boleh membantu guru dan pelajar dalam melicinkan proses PdP ialah menggunakan Kaedah Pembelajaran Koperatif (KPK). KPK merupakan kaedah pembelajaran yang terdiri daripada pelajar yang mempunyai pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil bertujuan untuk mencapai satu matlamat yang sama (Slavin, 1982).

Sasaran utama adalah tahap pembelajaran yang maksimum bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga untuk rakan-rakan yang lain. KPK menjadi terkenal pada tahun 1980-an kerana kesan positifnya terhadap pencapaian iaitu keyakinan diri, kedinamikan dalam pergaulan antara individu dan motivasi diri (Mahzan, 2003). Strategi pembelajaran ini juga memberi penegasan bahawa pelajar tidak boleh dibezakan dengan keturunan, warna kulit, agama, jantina mahupun pemikiran mereka (Kamaruddin, 2005). Semangat berpasukan, tolong menolong dan semangat bekerjasama perlu disemai dalam diri pelajar agar lebih memahami, berkeyakinan dan berminat untuk belajar (Johnson & Johnson, 1989).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kemahiran menulis adalah antara kemahiran kognitif yang kompleks dan tugas yang sukar bagi para pelajar yang mempunyai masalah dalam penulisan. Penguasaan kemahiran menulis yang efisien dan efektif amatlah penting untuk mencapai kejayaan dalam sistem persekolahan. Biasanya pelajar yang mempunyai masalah dalam kemahiran menulis ini memperlihatkan pelbagai masalah seperti kesalahan dalam ejaan, kekurangan organisasi untuk mendapatkan idea, kurang perbendaharaan kata, lemah tatabahasa dan sebagainya untuk membina ayat dalam penulisan.

Isu kelemahan dalam penguasaan BA dalam kalangan pelajar sering diperdebatkan (Kamarul, 2009). Menurut laporan yang diperolehi daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia (2003), antaranya melaporkan kelemahan pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam kertas peperiksaan BA ialah mereka tidak memahami makna perkataan dan struktur ayat, walaupun ianya sesuai untuk tahap mereka. Mereka yang mempelajari BA juga lemah dalam penguasaan perbendaharaan kata serta tidak mampu membentuk dan menulis ayat yang betul mengikut kaedah sebenar BA. Kelemahan pelajar menyebabkan pencapaian yang rendah dalam kemahiran bahasa. (Zainol, 2003; Ishak, 1992; Che'Pee, 1991).

Sehubungan itu juga, kajian Rosni (2012) mendapati dalam penulisan karangan BA pelajar lemah untuk membina ayat sendiri. Ini disebabkan mereka kekurangan kosa kata dan tidak menguasai kaedah berkesan untuk membina ayat.

Menurut kajian Mohamed (1999) pencapaian pelajar dalam ujian BA hanya mencapai tahap lulus di dalam kemahiran menulis. Pelajar hanya memiliki kurang dari 2000 patah perkataan Arab sepanjang pengajian mereka. Ini bermakna, tahap pencapaian pelajar jauh lebih rendah daripada apa yang diharapkan. Menurut Yahya dan Azmey (2012) pelajar tidak memahami dan menguasai konsep tajuk karangan dengan sempurna sehingga idea yang diberikan tidak mengikut kehendak soalan. Seterusnya terdapat juga pelajar yang tidak mampu memberi pelbagai contoh. Idea yang dikemukakan pelajar juga kurang jelas dan tidak mengikut kehendak jawapan yang sebenar.

Antara faktor yang menyebabkan kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis ialah kaedah yang dilaksanakan oleh guru semasa PdP. Kaedah pembelajaran yang tidak berkesan menjadikan pelajar kurang berinteraksi antara rakan dan pasif semasa melakukan tugas (Roselan, 2003). Selain itu, kajian Harris Fadhillah (2002), menunjukkan bahawa ketidaklibatan pelajar itu sendiri dalam menghayati, menaruh minat dan memberi kesungguhan untuk menulis karangan merupakan faktor kelemahan pelajar. Pelajar juga kurang diberi pendedahan tentang teknik, strategi, dan kemahiran menulis karangan dalam kelas.

Di samping itu didapati pendekatan yang digunakan oleh kebanyakan guru dalam pengajaran BA adalah berbentuk kuliah, berpusatkan guru dan latih tubi secara individu. Menurut Johnson (1989), pembelajaran tradisional merupakan kaedah pembelajaran yang tidak memberangsangkan dan pasif. Para pelajar tidak berminat dan mudah bosan untuk meneruskan pembelajaran mereka, khususnya mereka yang tidak memahami isi kandungan mata pelajaran yang dipelajari. Pelajar yang memperoleh pencapaian rendah dalam pelajaran juga akan menghadapi masalah dan kesukaran untuk menyelesaikan masalah tersebut yang boleh mengakibatkan mereka kehilangan motivasi dan minat untuk terus berusaha (Hooper, 1992).

Sehubungan ini juga, sering dilaporkan melalui kajian dan pandangan mereka yang terlibat dalam PdP BA sama ada di pusat pengajian tinggi mahupun di sekolah-sekolah tentang masalah pelajar BA yang kurang berminat terhadap BA, kemerosotan prestasi, tidak aktif semasa proses PdP serta pelajar yang selalu terlibat dengan masalah disiplin. Penggunaan kaedah pembelajaran yang berkesan amat penting untuk menarik minat dan memberi motivasi kepada pelajar berkenaan dalam mempelajari BA khususnya dalam menulis karangan. Bagi memberi galakan pelajar untuk menguasai kemahiran menulis, motivasi perlu dipertingkatkan. Sukatan pelajaran dan juga teknik penyampaian dalam pembelajaran perlu diperbaiki supaya dapat menarik minat pelajar (Ainol dan Isarji, 2009).

Berdasarkan masalah yang dipaparkan, menggambarkan pelajar lemah dalam kemahiran BA khususnya kemahiran menulis dan tidak berminat serta hilang motivasi terhadap kemahiran menulis BA. Masalah tersebut disebabkan oleh kaedah pembelajaran yang digunakan. Oleh itu keperluan kepada kaedah pembelajaran yang berkesan dan menarik minat serta memberi motivasi kepada



pelajar perlu di beri perhatian serius bagi mengatasi masalah tersebut. Kepelbagaian kaedah yang bersesuaian dan berkesan perlu diaplikasikan dalam pembelajaran kemahiran menulis antaranya Kaedah Pembelajaran Koperatif (KPK) yang merupakan satu kaedah yang berkesan dalam pembelajaran bahasa (Hamida Bee, 1998). KPK merupakan kaedah pembelajaran secara berkumpulan yang memerlukan pelajar membentuk kumpulan kecil dan belajar bersama-sama untuk mencapai satu matlamat (Slavin, 1982).

Justeru itu, kajian ini cuba mengaplikasi KPK dalam PdP menulis karangan untuk mengetahui maklum balas pelajar tentang keberkesanan kaedah tersebut dalam memotivasi dan membantu mereka meningkatkan kemahiran menulis karangan BA dan seterusnya berupaya untuk meningkatkan penguasaan BA pelajar dari aspek kosa kata, ejaan, struktur ayat dan sebagainya menerusi KPK. Keberkesanan KPK telah terbukti dalam kebanyakan pembelajaran bahasa. Justeru itu, kajian ini ingin melihat sama ada KPK juga berkesan dalam pembelajaran penulisan karangan bahasa Arab. Diharapkan kajian ini dapat memberi jalan penyelesaian terhadap masalah dan kelemahan pelajar dalam menulis karangan BA.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan permasalahan di atas, kajian yang akan dijalankan ini cuba melihat keberkesanan KPK dalam pembelajaran penulisan karangan BA. Persoalannya ialah kemampuan mereka menulis karangan melalui KPK. Permasalahan ini diperjelaskan dengan persoalan berikut:

- 1) Bagaimana maklum balas responden kajian terhadap penulisan karangan secara KPK dalam proses PdP yang dijalankan di dalam kelas.
- 2) Sejauh mana aspek bahasa responden kajian yang dapat dikuasai hasil pembelajaran secara KPK?
- 3) Bagaimana ciri-ciri Kaedah Pembelajaran Koperatif yang dipraktikkan semasa menulis karangan secara KPK?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi melihat penguasaan kemahiran penulisan karangan BA melalui Kaedah Pembelajaran Koperatif (KPK) dalam kalangan pelajar. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Menenalpasti maklum balas responden kajian terhadap penulisan karangan secara KPK.
- 2) Mengklasifikasi dan menghurai aspek bahasa yang dapat dikuasai oleh responden dalam pembelajaran Karangan BA secara KPK.
- 3) Menganalisis ciri-ciri KPK yang terdapat pada responden kajian semasa proses PdP.

## 1.6 Kepentingan kajian

Di Malaysia, penulisan adalah satu bentuk pembelajaran yang penting dalam kurikulum di sekolah, khususnya untuk menduduki peperiksaan umum seperti Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Penguasaan dalam kemahiran menulis dapat meningkatkan kemahiran berfikir pada tahap yang lebih tinggi seperti menganalisis, mengaplikasi dan menilai maklumat. Ia juga merupakan satu teknik untuk berkomunikasi, mengorganisasikan maklumat, mengembangkan pemikiran, menyampaikan idea dan menyatakan perasaan serta memberi kefahaman terhadap sesuatu mata pelajaran.

Jelasnya, kemahiran menulis adalah kemahiran asas yang diperlukan oleh pelajar dalam proses PdP di dalam kelas. Menurut Isahak (1979), kemahiran menulis amat penting kepada pelajar untuk pencapaian yang baik, begitu juga dalam sistem pendidikan formal yang perlukan kepada tugas mengarang dan menulis sebagai kaedah dan cara untuk menyampaikan idea, pendapat, maklumat dan perasaan.

